



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

KLUSTER KUMPULAN BERISIKO TINGGI DI PUSAT JAGAAN

Sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) saya ingin menarik perhatian berhubung dengan paparan berita berkaitan kluster kumpulan berisiko tinggi melibatkan penghuni dan kakitangan sebuah Pusat Penjagaan Warga Emas di Johor. KPWK melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah membuat siasatan dan mendapati pusat jagaan ini dalam pemantauan dan pengawasan pejabat kesihatan yang berkaitan. Berdasarkan kepada semakan yang telah dibuat oleh JKM, didapati bahawa pusat jagaan ini belum berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] dan masih lagi di peringkat kelulusan agensi teknikal.

JKM menyeru dan menasihatkan agar semua pusat jagaan mematuhi **Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan Penyakit COVID-19 Di Pusat Jagaan Berdaftar (Berkediaman Dan Harian)** dalam usaha mengekang penularan COVID-19 kepada penghuni.

Susulan daripada situasi yang berlaku di pusat jagaan berkenaan, KPWK melalui JKM akan terus memantau pusat jagaan ini bagi memastikan kebajikan dan kepentingan penghuni warga emas tidak terabai. JKM juga

menggesa agar semua pusat jagaan yang masih belum berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993, untuk tampil berdaftar dengan JKM bagi memastikan kualiti perkhidmatan, kebajikan, aspek keselamatan dan kesejahteraan penghuni terjamin. Pusat jagaan yang berdaftar akan sentiasa menerima khidmat nasihat daripada JKM dan agensi teknikal, disamping dapat menikmati insentif-insentif yang disediakan oleh Kerajaan.

Pusat-pusat jagaan adalah diarahkan untuk mematuhi dan mempertingkatkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam memastikan tiada kluster-kluster baru dipusat jagaan lain.

Sebarang pertanyaan berkenaan proses pendaftaran, pusat jagaan boleh menghubungi atau hadir di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berhampiran dan juga boleh menghubungi Talian Kasih 15999 dan talian WhatsApp 019 – 2615999 yang beroperasi 24 jam sehari.

-TAMAT-

YB DATUK SERI RINA MOHD. HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
8 JUN 2021